

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 MAC 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

## 22,319 pengguna daftar Inisiatif Pendapatan Rakyat

# 22,319 pengguna daftar Inisiatif Pendapatan Rakyat

**Putrajaya:** Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mendapat sambutan menggalakkan dengan 22,319 pengguna mendaftar setakat ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, usaha yang dilaksanakan itu dijangka membantu mengurangkan beban rakyat, terutamanya golongan miskin tegar dan B40, dengan membantu meningkatkan pendapatan dan mendepani cabaran peningkatan kos sara hidup.

Beliau berkata, daripada 22,319 pengguna yang mendaftar, 52 peratus pendaftaran bagi Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), 29 peratus untuk Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), 19 peratus untuk Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) dan 376 untuk 'off-takers' menunjukkan minat yang luas dalam program itu.

Katanya, jumlah pendaftaran tertinggi dari Selangor, diikuti Johor dan Perak.

"Ramai rakyat sedang mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan kehidupan mereka dan membina masa depan yang lebih cerah.

"Seramai 22, 319 pengguna

sah mendaftar. Ia permulaan yang baik," katanya di sini, semalam

### Lebih banyak penyertaan

Rafizi berkata, kementerianya akan memberi tumpuan untuk mendapatkan lebih banyak penyertaan dari negeri yang kurang penyertaan terutamanya negeri yang mempunyai golongan miskin tegar yang paling ramai.

Beliau berkata, kementerian akan berbincang dengan pegawai kerajaan, wakil rakyat dan juga agensi terbabit dari daerah termiskin.

Katanya, antara kawasan itu ialah Tongod, Pitas, Kota Marudu, Beluran, Kudat, Telupid, Pusa, Nabawan, Kota Belud, Jeli, Kinabatangan, Kuala Krai, Gua Musang, Bachok, Pasir Mas, Tumpat, Besut, Marang, Hulu Terengganu, Machang dan Dungun.

Rafizi berkata, kerajaan komited merealisasikan usaha membantu rakyat itu dengan tapak pertama INTAN akan dilancarkan minggu pertama April ini.

"Seramai 20 penerima perta-

ma INTAN akan mula masuk tapak dalam tempoh tiga minggu akan datang.

"Dengan sokongan dan pembabitan berterusan dari masyarakat, kami yakin bahawa program ini akan terus berjaya dalam mengurangkan kemiskinan dan mempromosi pertumbuhan ekonomi," katanya.

Kerajaan menyasarkan peserta IPR berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan.

IPR membabitkan ekosistem tiga pihak iaitu penerima membabitkan miskin tegar dan B40, pembimbing (peniaga setempat yang membeli produk perkhidmatan, badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi kerajaan dan rakan niaga.

INTAN ialah inisiatif mendapatkan golongan sasaran yang berminat dalam pertanian dengan memilih hasil tanaman yang tinggi dalam jumlah import seperti cili, halia dan jagung.

INSAN pula menyasarkan peserta menjual makanan umum pada harga rendah menerusi perniagaan mesin layan diri

yang mampu meningkatkan jumlah melalui penambahan lokasi tumpuan.

Sementara, IKHSAN mencari individu yang berminat untuk

bekerja dalam sektor pemberian sekali gus mampu mengatasi masalah kekurangan buruh bagi menyelenggara beberapa kemudahan awam.